

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan masing-masing mengikut wilayah iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung sejak tahun 1967 hingga 2018 mengikut tahun dan Rancangan Malaysia. Berikan perincian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kemakmuran rakyat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Kerajaan pada setiap tahun menyediakan peruntukan pembangunan dan bagi tempoh sebelas Rancangan Malaysia dari tahun 1966 hingga 2018, sebanyak RM464.8 bilion telah diperuntukkan untuk Semenanjung, RM71.65 bilion untuk Sabah dan RM61.9 bilion untuk Sarawak.

3. Khusus bagi negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan peruntukan kepada Jabatan-Jabatan dan agensi Persekutuan di Sabah melalui Kementerian yang telah dikenalpasti daripada RMKe-8 hingga RMKe-11 antaranya seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Laut Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya Sabah, Jabatan Kesihatan Sabah, Jabatan Pelajaran Sabah, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

4. Peruntukan pembangunan yang disediakan ini bagi melaksanakan projek yang memberikan manfaat terus kepada rakyat di seluruh negara terutamanya projek-projek yang bersifat mesra rakyat dan berimpak tinggi seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan sebagainya.

5. Peruntukan yang diluluskan bagi negeri Sabah pada Rancangan Malaysia Pertama adalah hanya RM374 juta sahaja, dan jumlah ini telah meningkat setiap Rancangan Malaysia dengan jumlah terkini bagi Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, peruntukan diluluskan adalah berjumlah RM13.14 bilion.

6. Pertambahan peruntukan pembangunan ini antara lain, adalah selaras dengan aspirasi negara bagi mencapai tahap ekonomi yang lebih kukuh dengan nilai tambah yang lebih tinggi di samping memberikan tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.